

03 MAY 1998

Kancil

PERODUA JANGKA PENJUALAN KANCIL SEMAKIN BAIK

ALOR SETAR, 3 Mei (Bernama) -- Perodua, pengeluar kereta tempatan, Kancil, hari ini berkata penjualannya semakin laris pada bulan lepas dan trend ini dijangka berterusan pada bulan-bulan berikutnya.

Pengarah urusan Perodua Datuk Abdul Rahman Omar berkata pengenalan model baru, EX-extra, hari ini, di samping pengumuman Bank Negara minggu lepas mengenai kelonggaran syarat-syarat bagi pembelian kenderaan dapat membantu meningkatkan penjualan.

"Kami berharap dapat menjual antara 4,000 dan 5,000 unit sebulan bermula bulan ini berbanding 2,000 unit masing-masing bagi Januari dan Febuari tahun ini," katanya pada persidangan berita selepas melancarkan model baru itu pada perasmian cawangan penjualan Perodua di sini.

Beliau berkata Perodua menerima lebih 3,000 tempahan bulan lepas selepas pelancaran edisi terhad model EX-B, yang dijual dengan harga RM19,980 seunit.

Model baru EX-extra, sebuah kereta 660cc yang dikendalikan secara manual, dijual dengan harga antara RM21,770 (tanpa aksesori pilihan) dan RM25,540 (dengan aksesori pilihan seperti pendingin hawa, radio, sistem penggera dan anti karat).

Antara 7,000 dan 8,000 unit kereta Kancil dijual setiap bulan sebelum kegawatan ekonomi berlaku.

Bank Negara membenarkan pinjaman kenderaan ditingkatkan daripada 70 peratus kepada 85 peratus dan melanjutkan tempoh bayaran balik dari lima tahun kepada tujuh tahun bagi kereta berharga di bawah RM40,000 minggu lepas.

Abdul Rahman berkata Perodua memutuskan untuk tidak memberhentikan kakitangannya semasa kelembapan ekonomi sekarang tetapi sebaliknya melatih kira-kira 300 pekerja pengeluaran menjadi mekanik dan peniaga kereta mereka.

Mengenai pasaran eksport, beliau berkata Perodua akan memberi tumpuan kepada pasaran Asia Barat berikutan peningkatan permintaan.

Sebagai contoh, katanya, Perodua menjual 80 unit Kancil di Kaherah pada Mac dan terdapat tempahan bagi 200 unit lagi.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual melancarkan pejabat cawangan Kancil di Kaherah Sabtu ini.

Kancil kini dieksport ke 11 negara, termasuk United Kingdom.

-- BERNAMA

JM AKD